

27/01/1999

Jepun sedia tambah pinjaman faedah rendah

Wan Sabariah Shikh Ali

JEPUN bersedia menambah pinjaman kepada Malaysia pada kadar faedah di bawah empat peratus dan kedua-dua pihak kini berunding mengenai projek yang akan dibiayai.

Menteri Kewangan Pertama, Tun Daim Zainuddin, berkata tambahan itu akan menampung sebahagian daripada kira-kira RM60 bilion yang diperlukan bagi membiayai program rangsangan ekonomi dan pemodalan semula sistem perbankan negara sehingga tahun 2000.

"Mereka (wakil Kementerian Kewangan Jepun) mengadakan perjumpaan dengan saya dan ingin mengetahui apa projek yang kita rancang. Kita sudah menyediakan senarai projek berkenaan," katanya dalam wawancara kira-kira lima minit dengan Bloomberg Television, semalam.

Daim yang juga Menteri Tugas-Tugas Khas menjelaskan Malaysia tidak bermasalah untuk menjana dana daripada sumber domestik tahun ini sehingga tahun 2000.

Malaysia mengunjurkan sejumlah RM16 bilion diperlukan bagi membiayai defisit belanjawannya tahun ini. Setakat ini kira-kira RM8 bilion berjaya diraih menerusi pinjaman Kerajaan Jepun berjumlah RM2.41 bilion dan konsortium 12 bank antarabangsa sebanyak RM5.13 bilion.

Katanya, dengan tahap tabungan yang melebihi 40 peratus, selain terbitan bon dalam negara, Malaysia masih mampu meraih modal daripada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso) dan Tabung Haji.

Berhubung kritikan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad terhadap Kerajaan Jepun yang lambat mengagihkan bantuan, Daim berkata, sebenarnya yang melengahkan pengeluaran pinjaman ialah kakitangan awam negara itu yang mahu meneliti secara terperinci setiap projek yang dikemukakan.

Menurutnya, mereka tidak berpuas hati dengan laporan kajian mengenai projek yang dicadangkan untuk pembiayaan walaupun ia disediakan syarikat perunding yang dilantik Kerajaan Malaysia dan diiktiraf di peringkat antarabangsa.

"Saya tidak faham mengapa mereka masih tidak berpuas hati. Tetapi pada asasnya kita faham Jepun mahu memberi pekerjaan kepada orang mereka sendiri. Kita yakin kedua-dua pihak akan berkompromi apabila tiba masanya," katanya.

Menjawab soalan mengenai rancangan mempermodal semula sistem perbankan, Daim berkata, setakat ini dua bank iaitu RHB Bank dan Oriental Bank selesai melaksanakan proses masing-masing manakala Arab-Malaysian Bank Bhd dijangka selesai tidak lama lagi.

Daim turut diminta mengulas mengenai rancangan kerajaan untuk melonggarkan kawalan tukaran asing yang dilaksanakan sejak 1 September 1998.

Menurutnya, sebagai negara yang mengamalkan ekonomi terbuka dan mengalukan pelaburan asing, kerajaan mendengar semua pandangan yang dikemukakan oleh banyak pihak terutama pelabur asing dan menimbangkan pelbagai pilihan dan nasihat.

Beliau berkata, pelabur asing menemuinya dari semasa ke semasa bagi menyuarakan pandangan mereka supaya sesuatu dilakukan terhadap kawalan tukaran asing, tetapi beliau menegaskan ia adalah kawalan berpilih dan tidak menjejaskan pelabur jangka panjang.

Diminta mengulas sama ada Malaysia akan mengikuti langkah Thailand dan Korea membuka sektor perbankan kepada pemilikan asing, Daim berkata:

"Malaysia tidak boleh dibandingkan Thailand dan Korea. Di sini kita mempunyai 16 bank milik 100 peratus asing. Dan jika bank tempatan disenaraikan di bursa saham, 30 peratus daripadanya juga dijual kepada asing.

"Hakikatnya, sesetengah bank melebihi 31 peratus tanpa pengetahuan kerajaan. Sekarang kita minta mereka mengisytiharkan nominee, kerana rakyat asing tidak boleh melebihi 30 peratus".

Tegasnya, Thailand dan Korea tidak mempunyai bank milik asing sepenuhnya sebelum ini sedangkan Malaysia sentiasa bersikap terbuka.

Beliau juga menegaskan kerajaan tidak akan campur tangan menyelamatkan syarikat bermasalah yang tidak mempunyai harapan untuk dipulihkan.

Menurutnya, kegagalan adalah sebahagian daripada realiti perniagaan.

(END)